



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 22 JULAI 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	ANGKAT SEKTOR PERTANIAN - CHE ABDULLAH, HARAKAH DAILY -ONLINE PKS PENTING DALAM MERENCANAKAN MASA DEPAN EKONOMI NEGARA, UTUSAN BORNEO -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MOA)
3. 4. 5.	HABITAT KERANG TERANCAM, HARGA MELONJAK, DALAM NEGERI, UM -43 TERNAK KELAH GUNA SISTEM AKUAPONIK, BERITA TV9 -ONLINE TERNAKAN IKAN, SISTEM AKUAPONIK LESTARIKAN ALAM SEKITAR, BERITA TV3 -ONLINE	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
6.	FAMA TERIMA 122,500 TEMPAHAN AWAL SEJAK PKP, BH -ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
7. 8. 9. 10. 11. 12.	PADI PLANTING MAY BE HOT, BUT IT'S COOL, VIEWS, THE STAR -15 AKTA BAHARU PEMULIHAN, PENYALAHGUNAAN DADAH, BH -ONLINE SUPPLEMENTARY SUPPLY BILL (2019) 2020 TABLED FOR FIRST READING, HOME, BORNEO POST (KK) -7 SIGNIFIKAN POKOK HIASAN DALAMAN, K2, KOSMO -19 PEMBERSIH UDARA SEMULAJADI, K2, KOSMO -20 KASIH KEPADA ALAM SEKITAR, K2, KOSMO -21	LAIN-LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/7/2020	HARAKAH DAILY	ONLINE	

Angkat sektor pertanian – Che Abdullah



KUALA LUMPUR: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) akan berusaha mengangkat sektor pertanian untuk terus mengalami pertumbuhan yang memberangsangkan walaupun berdepan dengan pelbagai cabaran.

Timbalan Menteri MAFI, Dato' Che Abdullah Mat Nawi dalam ucapan pada majlis Anugerah Personaliti Industri dan Usahawan Malaysia 2020, di Hotel Shangri-La, di sini hari ini berkata, MAFI juga akan memastikan dan terus menyokong pembangunan usahawan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan mikro untuk keluar daripada kesan menularan pandemik wabak Covid-19.

Menurut beliau, program yang diadakan hari ini adalah untuk memberi pengiktirafan kepada usahawan tempatan yang telah berusaha dengan gigih menempah kejayaan dalam bidang perniagaan masing-masing sehingga dapat menyumbang kepada ekonomi negara.

Selain itu katanya, program penganugerahan ini juga dapat memberi galakkan kepada usahawan untuk mengejar kecemerlangan dalam bidang perniagaan.

Di samping itu, ia bertujuan untuk memupuk semangat keusahawan serta menjadi platform kepada syarikat tempatan sama ada yang baharu mahupun lama dan berpotensi untuk mendapat perhatian dalam skala yang lebih besar.

Program seumpama ini sememangnya wajar kepada usahawan sebagai dorongan serta motivasi kepada masyarakat khususnya para usahawan untuk lebih berani bersaing dalam bidang perniagaan sehingga ke peringkat yang lebih tinggi.

"Saya difahamkan terdapat sebanyak 30 syarikat serta individu yang bakal menerima anugerah dalam pelbagai kategori unik pada hari ini. Nilai jualan kesemua syarikat ini mencecah hampir RM200 juta pada tahun 2019.

"Jumlah ini merupakan jumlah yang amat besar dan ini jelas menunjukkan bahawa anda sekalian sememangnya layak untuk menerima anugerah pada hari ini. Syabas dan tahniah saya ucapkan," katanya.

Sehubungan itu tambahnya, sehingga kini MAFI sedang merangka Dasar Sekuriti Makanan Negara yang lebih holistik dan mampan dirangka bagi memperkukuh keselamatan makanan di semua peringkat dan dasar ini kelak akan melengkapkan Dasar Agro makanan Negara 2.0 (2021-2030).- **HARAKHDAILY**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/7/2020	UTUSAN BORNEO	ONLINE	

PKS penting dalam merencanakan masa depan ekonomi negara

KUALA LUMPUR: Malaysia terlibat dalam pelbagai industri termasuklah pertanian dan makanan. Ia juga mewakili sebahagian besar daripada jumlah perniagaan dalam pelbagai sektor dan memberi sumbangan yang besar dari segi Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani (MAFI), Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di Malaysia terlibat dalam pelbagai industri termasuklah pertanian serta makanan sekali gus dilihat mempunyai peranan penting dalam merencanakan masa hadapan ekonomi negara."

"Walaupun sasaran awal bagi sumbangan PKS terhadap pertumbuhan ekonomi pada tahun ini sedikit terjejas ekoran situasi pandemik COVID-19, saya percaya ia bukanlah satu penghalang kepada pengusaha PKS ini untuk kembali bangkit dan terus berjuang meneruskan kelangsungan perniagaan masing-masing serta meningkatkan ekonomi."

"Pada masa sama, bukan mudah bagi sebuah kerajaan yang baru dibentuk untuk muncul dengan pelan pembangunan ekonomi keusahawanan yang mampan dan mampu menyuntik kelegaan bagi sebahagian usahawan yang menerima impak terus dari bencana wabak COVID-19 ini."

"Namun begitu sehingga hari ke-134 pentadbiran saya pada hari ini (semalam), MAFI giat merangka Dasar Sekuriti Makanan Negara yang lebih holistik dan mampan. Dasar ini kelak akan melengkapinya Dasar Agromakanan 2.0 selaras dengan aspirasi kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Ke-12, Wawasan Kemakmuran Bersama dan Sustainable Development Goals (SDG)."

"Situasi sukar dan serba mencabar ini sebenarnya banyak mengajar kita untuk tampil lebih berani, malah menjadi pemangkin anjakan paradigma agar perniagaan masing-masing jauh lebih baik berbanding sebelumnya,"katanya pada majlis Anugerah Personaliti Industri & Usahawan Malaysia 2020.

Pada masa sama, Datuk Che Abdullah Mat Nawi turut menggalakkan program yang memberi pengiktirafan kepada para usahawan tempatan.

"Program seperti majlis Anugerah Personaliti Industri & Usahawan Malaysia 2020 ini ibarat memberi galakan kepada para usahawan untuk mengejar kecemerlangan dalam bidang perniagaan serta mampu memupuk semangat keusahawanan dalam kalangan usahawan itu sendiri."

"Pada saya, pelaksanaan program seperti ini amat penting dalam memperbaiki serta mempertingkatkan prestasi usahawan tempatan sekali gus secara tidak langsung membantu dalam pembangunan ekonomi negara."

"Selain itu, program ini mampu menyedarkan kita semua bahawa peranan para usahawan amat penting dalam jatuh bangunnya ekonomi sesebuah negara,"

"Oleh yang demikian, pelaksanaan program ini boleh dianggap sebagai satu pencapaian yang amat besar dalam menyuntik semangat keusahawanan dalam kalangan masyarakat. Program seumpama ini juga sememangnya wajar kepada usahawan sebagai dorongan serta motivasi kepada masyarakat khususnya para usahawan untuk lebih

berani bersaing dalam bidang perniagaan sehingga ke peringkat yang lebih tinggi," katanya.

Anugerah Personaliti Industri dan Usahawan 2020 telah dianjurkan oleh NiagaTimes.com untuk meraikan kecemerlangan syarikat PKS dari pelbagai latar belakang.

Bertemakan 'Menuju Kemuncak Gemilang Usahawan', sebanyak 10 kategori anugerah dan 30 syarikat serta individu telah menerima anugerah di majlis tersebut.

Habitat kerang terancam, harga melonjak

GEORGETOWN: Sahabat Alam Malaysia (SAM) menggesa kerajaan menyiasat dan mengambil tindakan segera mengatasi masalah kawasan pembiakan kerang yang terancam dan semakin berkurangan sehingga menyumbang kenaikan harga di pasar.

Presidennya, R. Meenakshi berkata, keadaan itu yang semakin meruncing sejak 10 tahun lalu menjejaskan pendapatan nelayan dan bekalan sumber protein itu kepada pengguna.

Malah, katanya, masalah tersebut juga menyebabkan harga hasil laut itu meningkat secara mendadak di pasaran mencecah lebih RM14 sekilogram ketika ini.

Tambah beliau, nelayan dan penternak kerang di beberapa negeri turut mengadu hasil tangkapan kerang mereka menurun sehingga 50 peratus akibat kekurangan hidupan laut itu.

"Kita dapati keadaan ini disebabkan pencemaran laut akibat pembuangan sisa kimia, kemusnahan hutan paya bakau, penggunaan peralatan tangkapan yang merosakkan dasar laut dan aktiviti penyedup benih kerang ke luar negara.

"Selain itu, terdapat juga masalah kawasan pembiakan semula jadi kerang terganggu oleh penggunaan peralatan tangkapan moden dan pelaksanaan projek akuakultur yang mengancam serta mencemarkan kawasan tersebut," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Meenakshi berkata, SAM menggesa kerajaan-kerajaan negeri dan pejabat tanah daerah tidak meluluskan sebarang projek pembangunan dan akuakultur di kawasan pantai khususnya di kawasan semula



KERANG ketika ini dijual pada harga sehingga RM14 sekilogram disebabkan hasil laut berkenaan semakin berkurangan dan terancam.

jadi pembiakan kerang dan hutan paya bakau.

Katanya, Jabatan Perikanan dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) juga perlu memberi perhatian serius dalam pengurusan sumber laut kerana kejadian pencemaran laut yang semakin serius ketika ini menyebabkan banyak kerang dilaporkan mati keracunan dan lambat membesar.

"SAM berharap jabatan serta agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Alam Sekitar dan Sumber Air termasuk pihak berkuasa tempatan (PBT) mengambil tindakan bersepadu bagi menangani masalah ini.

"Penguatkuasaan undang-undang hendaklah dilaksanakan dengan lebih berkesan supaya hidupan kerang di perairan negara ini dipulihara dan berkekalan," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/7/2020	BERITA TV9	ONLINE	



Berita TV9

13 jam · 🌐

Ternak Kelah Guna Sistem Akuaponik

Kaedah akuaponik atau menggabungkan ternakan ikan dan tanaman dalam satu sistem bersepadu mampu melestarikan alam sekitar.



TERNAK KELAH GUNA SISTEM AKUAPONIK

21/7/2020
SELASA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/7/2020	BERITA TV3	ONLINE	



Buletin TV3

22 jam

TERNAKAN IKAN | Sistem Akuaponik Lestarkan Alam Sekitar

Kaedah akuaponik atau konsep penanaman moden yang menggabungkan ternakan ikan dan tumbuhan bersama dalam satu sistem bersepadu diakui mampu melestarikan alam sekitar.

The infographic features several elements:

- A blue arrow pointing right with the word "AQUAPONIC" written inside.
- A photograph of a fish labeled "IKAN KELAHA" (Mud Carp).
- A photograph of a fish labeled "IKAN MADE PERCH" (Mud Perch).
- A photograph of a person working in a blue aquaponics tank.
- A photograph of a circular aquaponics tank.
- A photograph of a person working in a different aquaponics tank.
- A photograph of a person working in a third aquaponics tank.
- A vertical list on the right side with blue circular markers, containing text such as "Terda...", "Tamb...", "Duara...", "Dikend...", "di Sab...", "Kelah...", "masa...", "Daya...", "Kandu...", "Permim...", "Restora...", "Kelah...", "Kelah...", "Bagi m...".
- A logo "bp" at the bottom right.
- A logo "RBD" at the bottom left.

TERNAKAN IKAN KELAHA DALAM SISTEM AKUAPONIK

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/7/2020	BERITA HARIAN	ONLINE	

FAMA terima 122,500 tempahan awal sejak PKP



KUALA LUMPUR: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menerima 122,500 tempahan awal dan penghantaran bagi produk pertanian sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan 18 Mac lalu, membabitkan nilai RM13.81 juta.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah, berkata lebih 1,000 usahawan pertanian menyertai platform e-dagang bagi memasarkan hasil pertanian mereka setakat ini, dengan nilai jualan mencecah RM5.3 juta.

Ahmad berkata, ia adalah hasil kerjasama strategik kementerian itu dengan beberapa syarikat e-dagang, antaranya [Qurfarm@AirAsia](#), Lokal [Kita@Dropee](#), Tanahmu, Farm To Table, eAGRO, Shopee, Lazada dan Food Panda, selain syarikat penghantaran seperti Lalamove dan Pos Malaysia.

Katanya, sehingga 19 Julai lalu, seramai 5,652 usahawan menggunakan platform e-dagang Agrobazaar Online (ABO), dengan 17,343 unit simpanan stok (SKU).

"Selain itu, Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) juga menjalankan aktiviti pemasaran produk mereka secara dalam talian.

"Aplikasi Rocket Delivery juga turut dibangunkan oleh Pertubuhan Peladang semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), yang sudah berjaya memasarkan hasil pertanian berjumlah RM4.4 juta kepada lebih 149,000 pelanggan, yang memberi manfaat kepada 106 usahawan," katanya pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat, hari ini.

Beliau menjawab soalan Nor Azrina Surip (PH-Merbok) yang bertanya mengenai sejauh mana usaha kementerian itu bagi membantu petani, penternak, nelayan dan peladang memasarkan produk serta hasil pertanian mereka menerusi platform digital.

Ahmad berkata, kementerian itu juga akan menganjurkan program latihan dan kursus untuk usahawan bagi meningkatkan kapasiti pasaran dan produk, bagi memastikan kelestarian usahawan dalam pemasaran digital.

Padi planting may be hot, but it's cool

FARMER Rohani Ahmad, 54, from Kampung Pida 6 in Kodiang, Kedah, said that she loved being under the sun in the padi fields compared to working in an air-conditioned office.

Utusan Malaysia reported that Rohani gave up her job as a clerk in Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Mada B2 Sanglang to till the lands four years ago.

Now, she owns 11ha of padi fields.

"Not many women want to work in the padi fields," said the mother of four children. Her children are between the ages 19 and 25 years old.

She said the harvest can reach up to 100 tonnes metric every season

> A woman in Tasikmalaya, Bandung, gave birth only one hour after realising that she

was pregnant.

Harian Metro reported that the woman named Heni gave birth to a baby boy one hour after she announced to her family and friends that she was pregnant.

The baby was named Linga Cipta Radeva.

"She did not look pregnant at all," said neighbours.

"I had my period all along and I never felt as if I was pregnant. I only felt the pain and then in an hour, I gave birth," the paper quoted Heni in a Facebook post.

> Negeri Sembilan Road Transport Department director Azrin Borhan denied that they had issued a summons to a lorry driver for driving without underwear, reported *Sinar Harian*.

He said that the PG1 notice, which went viral on Facebook, was given to the driver but was tampered. The notice was issued to the driver in the Ops Statik at Jalan Seremban-Port Dickson last Monday.

"My officer issued the notice to order the driver to change the tyres as we found the tyres were worn out and torn.

"He was also asked to be present at [PJ] for further inspection to avoid a summons but we found that the notice that we had issued had added lines that the other offence was not wearing underwear with a fine of RM600. It is not logical for us to issue such a summons," said Azrin.

He said a police report has been made on the matter for further actions.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/7/2020	BERITA HARIAN	ONLINE	

Akta baharu pemulihan, penyalahgunaan dadah



KUALA LUMPUR: Kerajaan akan menggubal akta baharu untuk meningkatkan keberkesanan dalam aspek pemberian khidmat rawatan dan pemulihan dadah.

Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hamzah Zainudin, berkata perundangan baharu itu akan dikenali sebagai Akta Penyalahgunaan Dadah dan Substan 2020 yang bakal menggantikan Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 (Akta 283).

Beliau menaruh keyakinan akta baharu itu berupaya meningkatkan capaian kepada rawatan dan pemulihan dadah, selain membantu kadar pemulihan dalam kes penyalahgunaan dadah.

"Keputusan mesyuarat ini akan diangkat kepada Jawatankuasa Kabinet Membanteras Gejala Dadah yang dipengerusikan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin untuk kelulusan," katanya pada sidang media di Parlimen, hari ini.

Terdahulu, beliau mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Bertindak Penguatkuasaan Undang-Undang (JPU) yang turut dihadiri beberapa wakil kementerian.

Mengulas pembentangan pertimbangan kedua pada mesyuarat berkenaan, Hamzah berkata, cadangan pindaan Akta Racun 1952 akan ditangguhkan bagi memberi ruang kepada penubuhan dua jawatankuasa teknikal yang dianggotai pelbagai kementerian.

"Mesyuarat bersetuju supaya undang-undang dan penguatkuasaan berkaitan penanaman apa-apa tumbuhan psikoaktif, termasuk kratom atau ketum perlu diperketatkan.

"Satu pendekatan yang lebih menyeluruh perlu diambil merentasi kementerian, justeru kita akan tangguhkan pindaan Akta Racun 1952.

"Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang akan dianggotai oleh Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Kesihatan dan Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri.

"Jawatankuasa Teknikal Kajian Saintifik dan Komersial pula akan membabitkan keanggotaan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi serta Kementerian Kesihatan," katanya.

Ditanya sama ada kelulusan untuk menanam hem bagi tujuan penyelidikan industri akan ditarik balik, Hamzah berkata, rangkaian proses berkaitan tumbuhan itu akan diperketatkan.

Bagaimanapun, katanya, kelulusan awal untuk menanam tumbuhan berdasarkan Seksyen 6B (2) Akta Dadah Berbahaya 1952 itu masih terpakai demi tujuan penyelidikan industri.

"Diperketatkan ini bermaksud kita nak lihat, jika apa-apa tanaman sama ada ketum, hem atau apa sahaja yang mempunyai unsur-unsur psikoaktif, mesti diberi penekanan sesuai.

"Sekiranya ingin dikomersialkan sebagai ubat, bagaimana sudut perundangan yang akan dikenakan, justeru semua ini akan diambil penekanan," katanya.

Headline	Supplementary Supply Bill (2019) 2020 tabled for first reading		
MediaTitle	Borneo Post (KK)		
Date	22 Jul 2020	Color	Black/white
Section	Home	Circulation	18,290
Page No	7	Readership	54,870
Language	English	ArticleSize	70 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 195
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 585



Supplementary Supply Bill (2019) 2020 tabled for first reading

KUALA LUMPUR: The Supplementary Supply (2019) Bill 2020 to accommodate additional expenditure for the year amounting to RM7 billion (RM7,005,753,850) was tabled for the first reading at Dewan Rakyat yesterday.

The additional funds were sought for use as allocation for Contribution to Statutory Funds amounting to RM1.096 billion, Treasury General Services (RM1.76 billion), apart from the Election Commission (RM 15.65 million); Treasury (RM 762.94 million) and Foreign Ministry (RM)3.93 million)

The allocation was also for the

Economic Affairs Ministry (RM39.42 million); Primary Industry Ministry (RM40.35 million); Agriculture and Food Industry Ministry (RM313.28 million); Water, Land and Natural Resources Ministry (RM58.28 million); and International Trade and Industry Ministry (RM77.15 million).

It also involved among others RM16.1 million for Works Ministry; Health Ministry (RM1.17 billion); Housing and Local Government Ministry (RM635.98 million); Defence Ministry (RM362.96 million); and Education Ministry (RM623.74 million). - Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/7/2020	KOSMO	K2	19



K2
Menyelami
Hidup Anda

RABU 22.07.2020

Signifikan pokok hiasan dalaman

Kosmo!

MINAT masyarakat terhadap pokok hiasan dalaman yang bercambah sejak Perintah Kawalan Pergerakan bukan sekadar mengindahkan rumah bahkan mempunyai manfaat tersendiri dari aspek pembersihan kediaman.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/7/2020	KOSMO	K2	20



Pembersih udara semula jadi



Rencana Utama

Oleh ZUBAIDAH IBRAHIM

BAGAIKAN ada ketenangan yang dirasakan tatkala Idura Mat Ali, 36, menatap pokok-pokok penghijau yang tersusun di ruang tamu rumahnya.

Suri rumah itu mempunyai minat mendalam terhadap penanaman pokok hiasan sejak beberapa tahun lalu apabila mengetahui manfaat tumbuhan yang membekalkan oksigen dan terapi jiwa.

Antara pokok hiasan dalaman yang ditanam wanita dari Kuantan, Pahang itu ialah lidah jin, peace lily dan monstera. Idura meletakkan pokok-pokok tersebut di dapur dan ruang tamu, selain balkoni rumahnya.

Sebagai seorang yang sudah agak lama menyukai pokok hiasan dalaman, Idura berasa agak terkejut apabila sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ramai yang mula mengikut jejaknya meminati pokok hiasan itu dan bertanyakan kepadanya tentang tip penjagaan.

"Namun, pada masa sama, ada juga yang risau dengan dakwaan pokok lidah jin beracun walaupun sepanjang menanam pokok itu, saya dan keluarga tidak pernah mengalami sebarang keracunan.

"Lagi pun hendak jaga pokok hiasan dalaman itu mudah. Saya hanya perlu menyiram dua minggu sekali," katanya ketika dihubungi K2 baru-baru ini.

Sementara itu, sejak tempoh PKP lalu, minat orang ramai terhadap pokok hiasan dalaman semakin berkembang terutamanya apabila tular mengenai tanaman lidah jin hingga mencetuskan fenomena.

Bagaimanapun, dalam kehairahan itu terdapat dakwaan bahawa pokok hiasan tersebut didakwa boleh memberikan kesan negatif kerana mengandungi bahan kimia dikenali saponin yang boleh menyebabkan gejala ringan seperti muntah, cirit-birit dan ruam jika termakan.

Serap

Sementara itu, mengulas populariti pokok hiasan dalaman terutamanya lidah jin, Penolong Pengarah Bahagian Pembangunan Industri Tanaman, Jabatan Pertanian, Muhamad Adli Salihin Samsudin berkata, ia dipercayai bermula sejak musim PKP apabila semua orang mencari aktiviti yang sesuai dilakukan seisi keluarga di rumah.

Apatah lagi timbul pelbagai dakwaan yang mengatakan pokok tersebut boleh menyedut habuk dan membersihkan udara.

"Sebenarnya, bukan pokok lidah jin sahaja, semua pokok hiasan dalaman rumah boleh berfungsi sebagai pembersih udara kerana ia menyerap gas pencemar dan membebaskan



IDURA merapikan pokok-pokok hiasan yang terdapat di rumahnya di Kuantan, Pahang.

oksigen menerusi proses fotosintesis.

"Bagaimanapun, perlu dijelaskan ia tidak bertindak menyedut habuk sebaliknya memerangkap habuk jika tidak dibersihkan," katanya ketika ditemui K2 di Serdang, Selangor baru-baru ini.

Jelasnya, pokok hiasan dalaman berupaya membuat fotosintesis walaupun tiada matahari di dalam rumah kerana ia mempunyai ciri-ciri tertentu yang tiada pada pokok luar rumah.

"Pokok hiasan dalaman mempunyai sistem daun (folia) yang lebar dan besar bagi membolehkannya mampu berada pada kadar cahaya matahari yang rendah.

"Pokok hiasan dalaman sangat istimewa kerana boleh diletakkan di dalam kediaman. Sebaliknya, pokok hiasan luar seperti bunga kertas dan bunga raya tidak boleh diletakkan di dalam rumah," katanya.

Bellau menerangkan semua pokok mempunyai kimia tersendiri dan begitu juga tahap kandungannya.

"Sebagai contoh, buah betik mengandungi bahan kimia yang dikenali sebagai papain dan digunakan untuk melambatkan daging. Sebenarnya lidah jin mengandungi toksin yang sangat rendah, malah saponin yang terdapat dalam pokok ini ada antaranya untuk tujuan perubatan," tuturnya.

Melatah

Bahkan, pokok hiasan dalam rumah dapat mengurangkan volatile organic compound (VOC) iaitu sebahagian besar bahan kimia yang terdapat dalam banyak produk yang kita gunakan di kediaman kita.

Kesemua gas pencemar atau bahan kimia tersebut terdapat dalam rumah seperti pencuci lantai, asap masakan, cat, asap rokok, bau sampah, gam, pengilat tuku dan racun serangga. Ia juga dapat membersihkan radiasi di dalam rumah hasil daripada



MUHAMAD Adli berpengalaman hampir dua dekad dalam bidang landskap dan pertanian.

penggunaan seperti gajet, televisyen, ketubuh gelombang mikro dan komputer riba.

Dalam hal ini, Muhamad Adli menasihatkan orang ramai agar tidak mudah melatah mengenai bahan kimia yang ada pada pokok, sebaliknya perlu bijak mengendalikan pokok yang mengandungi bahan kimia dan dikategorikan sebagai beracun.

"Teorinya mudah sahaja, jika kita tidak sentuh atau gigit pokok tersebut maka ia tidak akan mendatangkan kemudaratan.

"Adalah penting untuk kita mengamalkan prosedur operasi standard semasa melakukan aktiviti penanaman seperti membasuh tangan selepas menyentuknya dan menggunakan peralatan yang betul," katanya yang berpengalaman hampir dua dekad dalam bidang landskap, florikultur dan pertanian.

Bellau turut menyenaraikan beberapa langkah penting sekiranya menanam

INFO

Tip penjagaan pokok hiasan dalaman

- Lakukan kitaran pemindahan pokok dengan meletakkan tanaman itu tiga minggu di dalam rumah dan seminggu di tempat separa teduh di luar rumah.
- Sekiranya bercuti panjang, letak pokok hiasan di luar rumah.
- Basuh tangan selepas berkebun atau menyentuh tanaman.
- Didik ahli keluarga mengenai pokok yang terdapat di sekitar rumah.

pokok yang mengandungi bahan kimia tinggi seperti meletakkan di tempat yang selamat, jauhkan daripada anak-anak dan labelkan pokok tersebut.

Pemilik Laman Baginda Nursery, Harry Hafiz, 39, pula mengaktifkan jualan pokok hiasan dalaman terutama lidah jin meningkat luar biasa ekoran kuasa tular di media sosial.

"Jika sebelum ini, kami mampu menjual 10 hingga 20 pokok lidah jin seminggu, tetapi sejak ia menjadi tular sebanyak 100 pokok sehari terjual. Selain itu, pokok-pokok hiasan dalaman lain juga menunjukkan peningkatan luar biasa sehingga perlu menambah stok beberapa kali dalam seminggu," katanya ketika ditemui di nursery di Bandar Baru Bangi, Selangor.

Pemegang ijazah Sarjana Muda Sains Pertanian daripada Universiti Putra Malaysia itu tidak menyangka industri landskap boleh berkembang secepat ini ekoran kuasa tular.

Dia yang turut memiliki dua lagi nursery terletak di Batu Pahat, Johor dan Subang, Selangor berkata, jika dahulu pokok lidah jin dijual RM6 sepokok, kini boleh mencecah RM30 sepokok.

"Masyarakat sudah terbuka untuk menanam sendiri di rumah," katanya yang menawarkan 600 jenis pokok di Laman Baginda Nursery yang terletak di Bandar Baru Bangi.



KARTINI

Kasih kepada alam sekitar

PRI.BAGAI aktiviti boleh dilakukan untuk mengisi masa lapang ketika berada di rumah. Antara aktiviti yang mendapat perhatian pada masa kini ialah menanam pokok hiasan dalaman.

Orang ramai semakin kreatif mengubah landskap di rumah dengan susunan pokok-pokok hiasan dalaman dan pada masa sama dapat melakukan aktiviti berfaedah bersama ahli keluarga.

Menurut Timbalan Pengarah Institut Kajian Etnik Kebangsaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof. Madya Dr. Kartini Abou Talib @ Khalid, aktiviti menanam pokok di rumah dapat mengeratkan hubungan kekeluargaan.

"Ibu bapa dapat mendidik anak-anak untuk menjadi insan bertanggungjawab dan penyayang kepada semua makhluk ciptaan Allah SWT menerusi penjagaan pokok-pokok ini.

"Selain itu, ibu bapa juga dapat mengenali sisi lain anak-anak yang selama ini lebih banyak ditonjolkan ketika bersama rakan-rakan," katanya ketika dihubungi K2 baru-baru ini.

Katanya, aktiviti bertani atau membuat landskap di rumah turut dapat mengeratkan hubungan jiran apabila masing-masing berkongsi minat sama dan bertukar-tukar pokok.

Ulasnya, hobi atau aktiviti menanam pokok hiasan mendapat perhatian ramai memandangkan ia mudah diruskan.

"Pokok juga mempunyai aura unik kerana dapat menjadi terapi jiwa yang boleh meredakan tekanan di samping mengindahkan kawasan kediaman.

"Aktiviti ini juga penting untuk melahirkan rasa sayang kepada alam sekitar dan bersama-sama menjaganya daripada kemusnahan hasil tangan manusia yang rakus," ujarnya.



HARRY (kiri) menunjukkan demonstrasi penanaman pokok lidah jin di Laman Baginda Nursery, Bandar Baru Bangi, Selangor. - AMIR KHALID dan Ihsan IDURA.